

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr M: Hubungan dengan Romania akan ditingkatkan

BUCHAREST, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin hubungan dua hala antara Malaysia dan Romania akan dapat ditingkatkan menerusi Suruhanjaya Bersama yang telah ditubuhkan bagi mengkaji semula kemajuan kerjasama ekonomi kedua negara.

Perdana Menteri berharap suruhanjaya itu, yang ditubuhkan hasil persetujuan yang dicapai semasa lawatan Presiden Nicolae Ceausescu ke Malaysia akhir tahun lalu, akan dapat mengenalpasti bidang-bidang kerjasama ekonomi dan mengambil langkah-langkah perlu meningkatkan hubungan dua hala.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian dalam ucapan balasnya di majlis jamuan rasmi yang diberikan oleh Perdana Menteri Republik Sosialis Romania, Enik Constantin Descalescu bagi meraikan lawatannya ke negara ini, di sini malam ini.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasnah tiba di

sini semalam dari Istanbul untuk lawatan tiga hari dalam peringkat akhir kunjungan ke tiga buah negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sejak hubungan diplomatik diadakan antara Malaysia dan Romania pada tahun 1969, kedua-dua negara telah dapat mengeratkan hubungan menerusi kerjasama ekonomi.

Geografi

"Walaupun kedua-dua negara kita dipisahkan oleh jarak geografi, kebudayaan dan kerajaan yang berlainan, ini tidak menghalang kita daripada bertukar-tukar lawatan di berbagai peringkat dari masa ke semasa bagi merapatkan persefahaman dan kerjasama," ujarnya.

Perdana Menteri gembira persahabatan dan kerjasama Malaysia dan Romania telah dapat dipertingkatkan menerusi tanggungjawab bersama kepada gagasan-gagasan dan aspirasi Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan persamaan pandangan kedua pihak di dalam berbagai isu antarabangsa.

Beliau menambah, la-

watan Presiden Ceausescu ke Malaysia November lalu telah menyediakan landasan baru meningkatkan hubungan di berbagai bidang kerjasama bagi faedah kedua negara.

Menyentuh isu antarabangsa, Datuk Seri Dr Mahathir menyarankan hasrat Malaysia hendak melihat negara-negara membangun mewujudkan kerjasama sesama sendiri menerusi konteks dialog Selatan-Selatan dengan mengurangkan pergantungan kepada negara-negara maju.

"Kita masih belum melihat satu usaha yang jujur dan ikhlas dari negara-negara maju untuk memulihkan ekonomi dunia, selepas bertahun-tahun menyuarakan hasrat mereka di forum-forum antarabangsa," jelasnya.

Beliau juga menyampaikannya penghargaan Malaysia kepada Romania kerana sokongannya terhadap penyelesaian politik kepada masalah Kampuchea yang mengancam kewujudan zon aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara selagi tentera asing tidak berundur dari negara itu.